Bertanyalah..! 1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab...

Oleh kerana lazim kita menerima pertanyaan-pertanyaan daripada pembaca-pembaca atas bermacam-macam masalah samada perkara geografi, tawarikh dan agama maka pada masa yang lalu pertanyaan yang semacam itu kita tidak dapat melayankan oleh kerana tentu tidak dapat memberikan masa kepada yang demikian itu tetapi apabila kita menerbitkan majalah ini maka kita akan melayan apa-apa jua pertanyaan yang berkenaan dengan tawarikh, ilmu pengetahuan, agama dan lain-lainnya yang bersabit dengan kehidupan dan masyarakat kita dengan syarat asalkan sahaja soal-soalnya itu tepat dan terang. Soal-soal itu akan kita fikirkan yang manakah yang patut dijawab dan didahulukan dan kita tidak terikat kepada suatu ikatan bahawa tiap-tiap soal itu mesti kita jawab satu persatu. Kita hanya menjawab soal-soal itu ialah dengan memandang bahawa soal-soal yang didatangkan itu di dalamnya ada memberi faedah samada tentang pengetahuan, tawarih atau lainnya kepada pembaca-pembaca yang lain yang kita fikirkan juga berhajat mengetahui perihal yang demikian itu. Soal-soal itu akan kita rundingkan di dalam suatu lajnah yang diketahui oleh Abu Al-Mokhtar supaya dengannya diharap dapatlah kiranya lebih saksama soal-soal itu mendapat jawapan daripada kita. Oleh memandang bahawa perkerjaan ini sangat berat maka dengan ini adalah kita maklumkan bahawa soal jawab yang kita siarkan di sini adalah khas untuk siaran majalah Qalam sahaja – tidak dibenarkan dikutip atau dipetik sama sekali – kerana kita berazam apabila telah cukup kelak akan dijadikan sebuah buku yang kita harap akan menjadi panduan kepada pembaca-pembaca kita. Di bawah ini kita siarkan suatu contoh dahulu atas pertanyaan dan jawabnya yang diharap mendapat perhatian daripada pembaca-pembaca yang akan bertanya sesuatu perkara yang kita harap terutamanya ditanya oleh mereka itu tentang hal-ehwal masyarakatnya dan juga lain-lainnya.

Soal: Mengapakah kereta lembu yang beroda empat itu dua roda hadapannya kecil dan dua roda belakangnya besar, tidak sama besar seperti pada kereta-kereta lain seperti motokar itu?

Jawab: Dua roda hadapan kereta lembu itu sengaja dibuat kecil dan roda belakangnya besar supaya senang kereta itu dapat berpusing di tempat yang kecil tidak sebagaimana motokar itu terpaksa undur dahulu kemudian mara dan undur lagi maka baharulah ia dapat berpusing. Di sebelah Jawa Tengah (Indonesia) terutama di bahagian Jogjakarta dan Surakarta ada kereta-kereta kuda yang beroda empat- rodanya kecil di hadapan besar di belakang kereta ini dinamakan oleh mereka “Andung” dan kereta kuda yang beroda dua dinamakan “Dilman” dan “Amkuh”.